

UNSUR KEARIFAN TEMPATAN DALAM SENI PERSEMBAHAN MELAYU-ISLAM: ANALISIS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

The Element of Local Wisdom in Islamic Malay Performing Art: An Analysis from Islamic Law Perspective

Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham*

Mohd Anuar Ramli**

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar***

ABSTRACT

Performing arts in Malay-Muslim communities has undergone a complex process prior to its establishment. It is an interface containing elements of local community culture, religious teachings and interactions with the surroundings which is rich in flora and fauna. As such, works of arts in the Malay world reflect values of modesty, refinement, harmony and subtlety as well as reflecting the character of

* Master Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. khairulhafiz@siswa.um.edu.my

** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. mohdanuar@um.edu.my

*** Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. syedjeffri89@um.edu.my

the local community. After the arrival of Islam in the Malay Archipelago, the establishment of communal art has undergone a purification process as a result of infusing values of the revelations by the early mubaligh. Performing mediums such as wayang kulit and gamelan are utilized by them during the Islamisation of the locals. Thus, the presence of early mubaligh has influenced arts in the Malay world till a new art is established which is proof of the superiority of the local wisdom of Malay-Muslim communities. Performing arts such as mak yong and kuda kepang not only function as an entertainment medium but also as a medium of education, medication and worship. Accordingly, this study focuses on the analysis of performing arts as a local Malay wisdom from the perspective of Islamic law. To achieve this objective, a qualitative study that utilises the full library approach is adopted. Data collected is analysed inductively to convey elements of local wisdom and the Islamic law perspective on performing arts in the Malay community. Findings of the study show that Malay performing arts are distinctive due to the fusion of local cultures, values from the revelations and inspirations from nature. This fusion led to the creation of an art that is refined, gentle and warm, as a manifestation of the superior local wisdom of the community. Performing arts which are not in conflict with Shariah may be accepted as ‘urf sahibh, while performing arts containing elements of worship and superstition fall under the category of fasid meaning local wisdom that is rejected as it is opposed to Shariah.

Keywords: culture; arts; politeness, harmony; Islamisation; Shariah

PENDAHULUAN

Setiap masyarakat mempunyai kepandaian dan kebijaksanaan yang tersendiri dalam berinteraksi dengan lingkungan persekitaran dan memastikan kelestarian serta kelangsungannya. Interaksi seimbang yang berlaku mampu membentuk sebuah tamadun manusia yang harmoni. Pernyataan ini bertepatan dengan teori yang menyatakan bahawa setiap manusia memiliki keupayaan akal untuk membina tamadunnya sendiri.¹ Di rantau Alam Melayu, pembentukan tamadun berkembang pesat setelah pengenalan ajaran Islam yang dibawa oleh para mubaligh awal. Nilai-nilai Islam yang dibawa mereka telah diimplementasikan mengikut lokaliti Alam Melayu sebagai manifestasi kepada sifat dinamik (*al-murūnah*) syariat Islam.

Kaedah dakwah yang dilaksanakan oleh mubaligh awal ketika itu adalah pendekatan setempat iaitu, menjadikan persekitaran hidup tempatan sebagai asas dalam usaha mempromosikan nilai Islam.² Usaha tersebut memberi impak positif sehingga menghasilkan sebuah pengamalan beragama dan membentuk kebudayaan masyarakat dengan warnanya yang tersendiri di rantau ini.³ Bagi perkataan budaya atau kebudayaan, ia membawa maksud kemajuan daripada hasil pemikiran dan penciptaan manusia dalam pelbagai bidang yang mengandungi komponen buah fikiran, kepercayaan, bahasa, sastera, lagenda, dan mitos.⁴ Kebudayaan merupakan cara hidup mencakupi aspek agama,

¹ Rahimin Affandi Abd. Rahim et al, “Islam dan Kearifan Tempatan di Alam Melayu: Analisis Kritikal,” *Jati* 18 (2013), 224.

² Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid, “Fiqh Nusantara,” dalam *Islam dan Tajdid: Tinjauan Isu-isu dan Perspektif Semasa*, Abd. Karim Ali & Rumaizi Ahmad (eds.) (Shah Alam: Persatuan Ulama’ Malaysia, 2014), 59-62.

³ Ahmad Rajafi, “Islam dan Kearifan Lokal: Pembaruan Hukum Keluarga di Indonesia Model Inkulturas Wahyu dan Budaya Lokal,” *Jurnal AKADEMIKA* 21, no. 1 (2016), 68.

⁴ Sabzali Musa Kahn et al., “Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara” (Kertas prosiding, Universiti Islam Negeri Sunan, Gunung Djati, Bandung, 2011), 3-4.

sosial, bahasa, ekonomi, politik, teknologi, pendidikan, seni⁵ dan aktiviti-aktiviti masyarakat yang mengandungi makna kebersamaan. Ia suatu hasil daripada kepandaian manusia yang menunjukkan identiti khas masyarakatnya. Pembentukan budaya masyarakat Melayu terhasil melalui usaha masyarakat untuk memakmurkan alam sekeliling dan beradaptasi dengan pelbagai unsur yang wujud seperti kepercayaan animisme, pengaruh nilai agama (Hindu-Buddha dan Islam) dan nilai budaya Barat. Proses tersebut berlaku dalam satu tempoh masa yang panjang dan kompleks bagi membentuk satu nilai bersama.⁶

Bidang kesenian yang merupakan salah satu komponen kebudayaan, yang merangkumi karya seperti sajak, lukisan, muzik atau hasil sesuatu ciptaan⁷ yang memiliki nilai-nilai estetika, keindahan serta kecantikan.⁸ Lumrahnya, keindahan yang terbenam dalam jiwa manusia akan diekspresikan sehingga membentuk suatu hasil karya yang dinamakan seni.⁹ Bidang kesenian mempunyai kedudukan penting dalam kehidupan manusia yang menghasilkan titik kenikmatan dan kepuasan buat diri mereka.¹⁰ Hal ini merupakan suatu yang normal kerana secara

⁵ Muhammad Takari, *Kesenian Melayu: Kesinambungan, Perubahan, dan Strategi Budaya* (Batam: Majlis Adat Budaya Melayu Indonesia, 2013), 1. Lihat juga Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), 3.

⁶ Mohd Anuar Ramli, “Islamisasi di Tanah Melayu: Analisis Terhadap Proses Interaksi antara Adat dan Syariah Islam,” dalam *Wacana Budaya*, Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din, ed. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 424-425.

⁷ Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, dicapai 16 Oktober 2019, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seni>.

⁸ Sabzali Musa Kahn et al, “Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara” (Kertas prosiding, Universiti Islam Negeri Sunan, Gunung Djati, Bandung, 2011), 3.

⁹ Mohamad Kamil bin Hj Ab Majid & Muhammed bin Yusof, “Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal,” *Jurnal Hadhari Edisi Khas* (2008), 105-121.

¹⁰ M. Jandra Mohd Janan dan Muhammad Nazzri Ahmad, “Seni dan Islam: Polemik antara Teks dan Konteks,” dalam *Cabar Semasa Pengajian Melayu* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2010), 1.

semula jadinya, setiap insan mempunyai rasa tenang, senang dan damai terhadap sesuatu yang indah.¹¹ Dalam kalangan masyarakat Melayu, kesenian boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu seni rupa (ukiran), seni suara (nyanyian), seni gerak (tarian) dan permainan tradisional. Di rantau ini, kesenian telah menjadi identiti bagi masyarakat Melayu sehingga menempa nama di peringkat antarabangsa.¹² Kesemua seni tersebut dicipta hasil bakat para arif tempatan melakukan interaksi nilai yang wujud di lingkungan persekitarannya. Interaksi ini melibatkan penggunaan akal (kebijaksaan) sehingga hasil daripada proses tersebut mencerminkan tahap pemikiran masyarakatnya yang disebut sebagai kearifan tempatan. Dengan itu, kearifan tempatan berkait rapat dengan kebudayaan sesuatu masyarakat.¹³

Asasnya, kearifan tempatan dapat difahami sebagai gagasan-gagasan masyarakat setempat mengikut lokaliti berbeza yang bersifat bijaksana, mempunyai nilai baik, boleh diterima akal yang sihat dan diikuti secara umum oleh anggota masyarakatnya. Ia suatu hasil daripada penaakulan mendalam manusia akan lingkungan persekitaran setempat.¹⁴ Kearifan tempatan terbentuk daripada pengalaman mereka tinggal di tempat tersebut secara turun temurun¹⁵ dan menjadi acuan dalam perlakuan tingkah

¹¹ Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 183-200.

¹² Beberapa genre seni tradisional yang telah mendapat pengiktirafan 1 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) seperti mak yong dan wayang kulit.

¹³ Muhammad Ammar Harith Idris, Mohd Anuar Ramli & Mohammaddin Abdul Niri, "Kearifan Tempatan Dalam Fiqh Makanan Di Alam Melayu", *Jurnal Fiqh*, 16, (2019), 57-82.

¹⁴ Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Mohd Anuar Ramli. "Unsur Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam", *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 29, (2019), 51-69.

¹⁵ Mohammad Zohir et al., "Mengintegrasikan Kearifan tempatan berkaitan Alam Sekitar di bilik darjah," dalam "Ilmu Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan," (Kertas prosiding, Persidangan Serantau Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia, 2013), 93-99.

laku sehari-hari mereka.¹⁶ Kearifan tempatan merujuk kepada unsur kepandaian masyarakat Melayu Islam yang dapat dilihat pada hasil seni mereka. Dalam kalangan masyarakat Melayu, kesenian menjadi tunjang kepada kebudayaan mereka yang diwarisi sejak turun temurun lagi. Ianya merupakan lambang kebijakan manusia Melayu dalam menghasilkan suatu produk (seni) bagi memenuhi keperluan yang dihajati melalui proses interaksi nilai dan unsur yang wujud di lokalitinya.

Pencapaian ini mempunyai perkaitannya juga dengan pengaruh Islam yang telah membentuk kearifan tempatan masyarakat Melayu ke arah yang lebih unggul sehingga menghasilkan formula-formula yang digunakan dalam konteks dunia moden pada hari ini.¹⁷ Islam dalam apa jua hal amat mementingkan kesejahteraan terhadap penganutnya termasuklah kegiatan mereka dalam bidang kesenian. Bagi menjamin pernyataan ini, Islam menekankan agar setiap kegiatan kesenian diselaraskan dengan prinsip agama. Hal ini kerana, matlamat seni dalam perspektif Islam ialah membimbing manusia ke arah konsep tauhid dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Selain itu, ia juga bermatlamat membentuk akhlak manusia dan peribadi ideal yang membawa kesejahteraan dalam kehidupan. Oleh demikian, bagi kesenian yang bertentangan dengan prinsip agama, maka perlu ditinggalkan dan dihapuskan. Ini kerana, setiap tingkah laku manusia serta apa-apa aktiviti kesenian dalam kehidupan mereka perlu berpangkal pada agama yang mementingkan kebaikan dan menolak keburukan.¹⁸

LATAR BELAKANG PEMBENTUKAN SENI SEBAGAI KEARIFAN TEMPATAN MELAYU ISLAM

Rantau Alam Melayu mempunyai keistimewaan yang membezakannya dengan kawasan umat Islam yang lain. Ini kerana, rantau ini bukan sahaja merupakan kawasan yang kaya

¹⁶ Nurma Ali Ridwan, "Landasan Keilmuan Kearifan Lokal," *Jurnal Studi Islam dan Budaya (Ibda')* 5, no. 1 (2007), 27-38.

¹⁷ Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Nor et al., "Islam dan Kearifan Tempatan di Alam Melayu: Analisis Kritikal," *Jati* 18 (2013), 224-226.

¹⁸ Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), 50-52.

dengan hasil bumi berharga, malah sebagai sebuah kawasan yang memiliki keunikan yang tersendiri dari segi kearifan tempatan.¹⁹ Persoalan penting yang menjadi fokus perbahasan artikel ini ialah, bagaimana pembentukan seni sebagai kearifan tempatan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam?

Menurut Wan Abdul Kadir, sesuatu penghasilan daripada manusia lumrahnya terkandung idea, pemikiran dan nilai bagi memenuhi kepentingan dan keperluan dalam hidup mereka.²⁰ Maka, sejajar dengan pernyataan tersebut, penciptaan suatu hasil kesenian sebagai kearifan tempatan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam menjadi cerminan martabat pengetahuan mereka. Ia bererti bahawa gabungan keintelektualan serta kreativiti para arif tempatan dan masyarakat berperanan dalam melaksanakan fungsi-fungsi sosial iaitu, fungsi adaptasi, integrasi, berhubung di antara satu sama lain dengan nilai atau unsur di lingkungan persekitarannya dalam menentukan pembangunan peradaban bangsa mereka.²¹

Saat kedatangan Islam ke Nusantara, banyak perubahan berlaku dalam landskap kehidupan masyarakat di rantau ini yang sebelumnya menerima pengaruh agama Hindu-Buddha. Perubahan tersebut melibatkan jiwa, pemikiran serta falsafah hidup yang dilandaskan kepada prinsip murni wahyu.²² Menurut Anwar Din, Islam sebuah agama telah menjadi unsur penting yang membentuk karakter masyarakat Melayu ke arah lebih baik. Kejayaan ini merupakan hasil usaha mubaligh awal yang kreatif dalam memanfaatkan bidang kesenian sebagai medium dakwah

¹⁹ Rahimin Affandi Abd. Rahim et al., “Batu Bersurat Terengganu: Dinilai dari Sudut Kearifan Tempatan Melayu Islam,” dalam *Batu Bersurat Piagam Terengganu Wadah Intelektual Tamadun Melayu* (Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 2013), 140.

²⁰ Wan Abdul Kadir, *Islam dan budaya Melayu* (Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1992), 26.

²¹ Nurma Ali Ridwan, “Landasan Keilmuan Kearifan Lokal,” 3.

²² Mohd Anuar Ramli, “Asas Hukum dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial dalam Kebudayaan Malaysia”, (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2003), 80.

kepada masyarakat tempatan.²³ Hal ini sebagaimana usaha dakwah para Wali Songo yang menggunakan pendekatan seni wayang kulit, gamelan dan lain-lain lagi bagi memahatkan falsafah tauhid dalam kehidupan masyarakat.²⁴

Penyerapan nilai Islam oleh masyarakat Melayu yang ketika itu mudah menerima nilai yang dibawa membentuk beberapa prinsip warisan sebagai landasan asas dalam semua aktiviti budaya mereka. Antara prinsip masyhur ialah, seperti yang terkandung dalam perbilangan kata, ‘*adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah*’. Prinsip ini dijadikan garis panduan dalam pembentukan karya kesenian masyarakat yang menjadi bukti hubungan rapat kegiatan mereka dengan syariat Islam.²⁵ Apa yang ditekankan dalam prinsip tersebut ialah, aspek akidah dan nilai rohaniah sebagai akar bagi pokok pembentukan sesuatu bidang kesenian masyarakat.²⁶

Di samping itu, inspirasi daripada alam sekitar juga menjadi teras dalam memberi identiti kepada kesenian yang terbentuk dikalangan masyarakat Melayu. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Hamka dalam karyanya *Pandangan Hidup Muslim* bahawa, penaakulan terhadap nilai keindahan alam sekitar yang wujud di lingkungan persekitaran antara faktor yang membawa kepada pembentukan hasil karya seni manusia yang pelbagai.²⁷ Sebagai contoh, hasil inspirasi daripada alam seperti keindahan ombak yang bergulung di lautan, kehijauan warna gunung-ganang, keindahan matahari tatkala terbit dan terbenam serta bunga yang bercampuran warnanya memberi ilham dalam penghasilan seni rupa bagi masyarakat Melayu.

²³ Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 97.

²⁴ Yuliyatun Tajuddin, “Walisongo dalam Strategi Komunikasi Dakwah,” *ADDIN* 8, no. 2 (2014), 367-388.

²⁵ Muhammad Zulfahmi, “Interaksi dan Inter relasi Kebudayaan Seni Melayu Sebagai Sebuah Proses Pembentukan Identitas,” *Jurnal Ekspresi Seni* 18, no. 2 (2016), 307-323.


²⁶ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman et al., “Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam dalam Pengkaryaan,” *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25 (2012), 25-35.

²⁷ Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Pandangan Hidup Muslim* (Jakarta: Gema Insani, 2016), 115-119.

Selain itu, bagi seni suara dan seni gerak pula diinspirasikan daripada bunyian serta gerakan flora dan fauna seperti pohon buluh yang bergeseran antara satu sama lain, kicauan burung dan bunyian dari pelbagai lagi spesis haiwan yang wujud di Alam Nusantara ini. Maka, menikmati keindahan alam ini akan membawa rasa keinsafan pada diri seseorang manusia dan boleh mengukuhkan imannya.²⁸

Hasilnya akan membentuk karakter manusia berperibadi mulia yang akhirnya menjadi sarana dalam mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan (*salam*) dalam kehidupan. Oleh demikian, paduan yang membentuk kesenian sebagai kearifan tempatan Melayu Islam dapat dilihat melalui rajah berikut:

Rajah 1: Unsur dan nilai yang menjadi teras pembentukan kesenian sebagai kearifan tempatan Melayu Islam



Sumber: Analisis Pengkaji

²⁸ Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Pandangan Hidup Muslim*, 115-117.

Rajah 1 tersebut menjelaskan bahawa, gabungan nilai wahyu dan alam semula jadi memainkan peranan penting dalam penciptaan karya seni Melayu.²⁹ Unsur-unsur tersebut telah memberi ciri-ciri dan identiti tersendiri kepada produk seni yang terhasil.³⁰ Di samping itu, gabungan nilai wahyu berperanan memberi unsur moral dalam penghasilan karya seni dalam kalangan masyarakat Melayu ini. Hal ini kerana, Islam mengkehendaki agar seni yang dicipta mempunyai nilai akhlak, iaitu bebas daripada nilai-nilai negatif.³¹

Kesannya, seni yang terhasil melalui gabungan unsur-unsur tersebut membentuk karakter masyarakat Melayu yang kaya dengan kesantunan seperti berbudi bahasa, peramah, sopan dan lemah lembut. Nilai-nilai baik yang terdapat dalam seni tersebut telah menjadi identiti dan lambang jati diri bagi masyarakat Melayu Islam sehingga menimbulkan rasa hormat orang lain kepada bangsa Melayu ini.

Kedatangan Islam ke rantau Alam Melayu telah banyak mengubah landskap cara kehidupan masyarakat sama ada yang melibatkan falsafah hidup, pemikiran dan jiwa masyarakat Melayu. Perkara ini berlaku kerana sifat dan watak agama Islam menepati fitrah manusia khususnya masyarakat Melayu ketika itu. Selain itu, penerimaan baik pengaruh Islam dalam kalangan masyarakat berlaku kerana wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan hidup hambanya bervisi universal yang tidak terikat dengan ruang waktu dunia yang bersifat lokal.³² Para mualigh awal dengan jelas telah menanamkan ajaran falsafah Islam dalam kebudayaan Melayu yang ketika itu mudah menerima nilai-nilai yang dibawa. Hal ini kerana, antara sifat agama Islam yang menjadi tarikan dalam kalangan masyarakat Melayu ialah unsur akidah

²⁹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman et al., “Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam dalam Pengkaryaan” *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25 (2012), 25-35.

³⁰ Wan Abdul Kadir, *Islam dan Budaya Melayu*, 26.

³¹ Nik Hassan Shuhaimi, “Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam dalam Pengkaryaan” 25-35.

³² Ismail Mat, “Pengajian Syariah: Hubungannya dengan Adat Arab dan Keadaan di Malaysia,” dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 80-82.

yang mudah diterima akal. Kesan pengaruh Islam telah merubah *world-view* seni dan budaya Melayu. Antara yang diperkenalkan ialah pokok seni dan budaya itu ialah akidah atau menjunjung keesaan Tuhan dan membenarkan kerasulan Muhammad SAW.³³ Oleh hal yang demikian, apa yang dapat disimpulkan mengenai pembentukan seni Melayu Islam ialah, ianya merupakan hasil paduan di antara nilai-nilai suci wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT dengan berbagai nilai setempat yang ada seperti nilai budaya tempatan dan inspirasi lingkungan alam. Mana-mana hasil seni yang tidak bercanggah dengan dengan Syarak diterima sebagai ‘urf sahih, sedangkan yang bercanggah akan ditolak dan dikategorikan sebagai ‘urf fasid.³⁴

MATLAMAT KESENIAN DALAM ISLAM

Islam adalah agama yang membawa misi kebaikan (*al-ihsan*) dan kebaikan (*al-khair*) kepada sekalian alam. Gabungan misi tersebut dapat dilihat melalui prinsip wahyu yang diturunkan Allah SWT sebagai pedoman hidup buat manusia. Nilai wahyu yang terdapat dalam sumber utama agama iaitu al-Quran dan al-Hadith benar-benar selari dan meraikan fitrah manusia yang dicipta memiliki perasaan, hawa nafsu, cita rasa dan akal fikiran. Melalui fitrah tersebut, terkandung di dalamnya rasa cinta jiwa manusia ini akan keindahan. Lumrahnya, keindahan yang terbenam dalam jiwa manusia akan diekspresikan sehingga membentuk suatu hasil karya yang dinamakan seni.

Manusia apabila berinteraksi dengan alam sekelilingnya akan mula merasai kewujudan suatu kuasa sempurna yang mencipta alam ini dengan ciptaan yang indah tanpa apa-apa cacat cela. Situasi ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Mulk ayat 3-5 yang menjadi bukti keunikan penciptaan dan kebesaran Allah SWT. Maka, menepati fitrah manusia ini, sesuatu nilai keindahan yang dihayati mampu menjadi pemangkin yang menguatkan

³³ Ismail Mat, “Pengajian Syariah: Hubungannya dengan Adat Arab dan Keadaan di Malaysia,” 93.

³⁴ Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli, “Pendekatan Sosiologi Hukum Islam Dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Semporna”, *Jurnal Kemanusiaan* 16, no. 1 (2018), 13-19.

peribadinya. Islam menyarankan manusia berinteraksi melihat alam yang diciptakan Allah SWT dengan pandangan yang indah sepetimana firmanNya dalam surah Qaf ayat 6 yang bermaksud:

“Maka tidakkah mereka memandang ke langit yang ada di sebelah atas mereka (dengan tidak bertiang) bagaimana Kami membinanya (dengan rapi) serta Kami menghiasinya (dengan bintang-bintang), dan dengan keadaan tidak ada padanya retak-renggang?”

Menikmati keindahan alam ini akan membawa kepada rasa keinsafan padadiri seseorang manusia dan mengukuhkan imannya.³⁵ Hasilnya akan membentuk karakter manusia berperibadi mulia yang akhirnya menjadi titik tolak dalam mencapai kebahagiaan dalam kehidupan. Oleh demikian, apa yang dapat disimpulkan ialah, suatu kesenian Islam itu dicetuskan bagi matlamat untuk mendorong manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT melalui penghasilan karya kreatif.³⁶ Ianya menjadi sebahagian dari kebudayaan masyarakat yang berasaskan kepada nilai wahyu.³⁷

Seni Islam ialah sesuatu hasil karya yang sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri. Ia sebagai wadah ekspresi tentang keindahan yang wujud dalam jiwa manusia bertepatan dengan aturan wahyu yang menghubungkan aspek keindahan dan kebenaran tentang kewujudan Allah SWT. Hal ini kerana, matlamat seni dalam perspektif Islam ialah membimbing manusia ke arah konsep tauhid dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Selain itu, ia juga bermatlamat melahirkan manusia yang berakhhlak mulia dan beradab yang membawa kesejahteraan dalam kehidupan. Oleh demikian, inilah jurang yang menjadi perbezaan di antara seni Islam dengan seni yang lain. Ini kerana, perbezaan sesuatu seni dengan seni yang lainnya dapat dilihat pada matlamat dan nilai etika dan estetika yang terkandung dalam sesuatu hasil seni itu.³⁸

³⁵ Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, *Pandangan Hidup Muslim* (Jakarta: Gema Insani, 2016).

³⁶ Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, 98.

³⁷ Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), 50.

³⁸ Raina Wildan, “Seni dalam Perspektif Islam,” *Islam Futura* VI, no. 2 (2007), 81-84.

Begitulah motif seni dalam Islam, ianya tidak bermatlamatkan seni untuk seni sebagaimana pandangan ahli falsafah Barat, akan tetapi ianya bermatlamat seni kerana Allah SWT, untuk manfaat manusia dan alam lingkungannya. Ini disebabkan setiap tingkah laku dalam kehidupan berpangkal pada agama (kerana Allah) dan berhujung pada kebudayaan (untuk manusia).³⁹

VARIASI KESENIAN MELAYU

Apabila menyentuh tentang seni Melayu, keluasan perbahasannya merentasi sempadan negara dan tidak hanya tertumpu kepada masyarakat Melayu di negara ini sahaja. Hal ini kerana, berdasarkan kepada sejarah kelompok orang-orang Melayu, menyaksikan terdapat persamaan cara kehidupan mereka yang berada di rantau Alam Melayu ini.⁴⁰ Masyarakat Melayu kaya dengan pelbagai warisan yang menjadi identiti dan melambangkan ketamadunan bangsanya. Menurut penetapan Jabatan Warisan Negara, Kementerian Perlancongan Seni dan Budaya, warisan secara umumnya terbahagi kepada dua kategori iaitu pertamanya, Warisan Ketara (*tangible heritage*), yang bermaksud sesuatu warisan yang kekal, boleh dilihat dan dipegang sama ada secara statik atau secara mudah alih. Sebagai contoh, seperti monumen, tapak bersejarah Lembah Bujang, pusat bandar lama Melaka dan alam semula jadi (gua, sungai, hutan, flora dan fauna). Keduanya ialah, Warisan Tidak Ketara (*intangible heritage*), yang membawa maksud warisan bukan benda. Ianya suatu perbuatan atau gerak geri manusia yang boleh dilihat, disentuh, dirasa, dihidu atau didengari ketika ianya dilakukan atau wujud, dan sebaliknya pula apabila ia tiada dan tamat. Sebagai contoh, seperti acara perayaan, ritual, kepercayaan, seni tampak (visual), seni perubatan, permainan tradisional dan seni persembahan yang dilakukan khas untuk dinikmati oleh pancaindera manusia.⁴¹

³⁹ Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), 50-52.

⁴⁰ Wan Abdul Kadir, *Islam dan budaya Melayu*, 26-27.

⁴¹ Sabzali Musa Kahn et al., “Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara” (Kertas prosiding, Universiti Islam Negeri Sunan, Gunung Djati, Bandung, 2011), 7.

Akta Warisan Kebangsaan 2005 mentafsirkan bahawa, Warisan Tidak Ketara adalah termasuk mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik, boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, tarian, lakonan sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, pengubahan bunyi dan muzik serta seni mempertahankan diri.⁴² Maka, perincian bagi fokus artikel ini akan tertumpu kepada seni persembahan masyarakat Melayu yang terbahagi kepada empat cakupan utama, iaitu seni alat muzik, seni muzik, seni tarian dan seni teater. Di setiap cakupan seni persembahan ini pula terkandung pelbagai genrenya yang tersendiri. Bagi genre dalam seni alat muzik tradisional Melayu, antaranya yang utama ialah kompong, rebana, canang, gedombak, gambus, cak lempong, alu bunyi, kempul, angklung, beduk, rebab dan nafiri. Peranan alat muzik tersebut kebiasannya dilihat sebagai pelengkap kepada sesuatu seni persembahan seperti nyanyian atau tarian dalam kalangan masyarakat berbanding upacara keagamaan. Secara instrumentalnya, alunan irama dan rentak muzik yang dihasilkan mampu menyuntik pelbagai emosi dalam aktiviti persembahan yang dilakukan terutama dalam persembahan seni muzik. Antara seni muzik tradisional yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu ialah seperti ghazal, hadrah, dondang sayang, nobat dan seumpamanya yang dipersembahkan secara kreatif sama ada secara solo atau berkumpulan. Seni muzik Melayu mempunyai latar belakang yang menarik kerana ianya terhasil daripada gabungan dan penyesuaian alunan ritma dengan bunyian peralatan muzik yang berlainan mengikut melodi tertentu.

Bagi seni tarian Melayu, menurut Rahmah Bujang dan Azlin Haidon, ia merupakan pergerakan bahagian anggota badan yang digayakan dalam satu susunan dan peragaan mengikut rima dan ritma untuk dipersembahkan kepada khalayak yang dilakukan di tempat dan waktu tertentu.⁴³ Genre terkenal bagi seni ini ialah seperti tarian zapin, kuda kepang, mak inang, mak yong, tarian

⁴² “Warisan Tidak Ketara,” laman web rasmi Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, dicapai pada 16 Oktober 2019, <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/warisan-tidak-ketara/grp-warisan-tidak-ketara-pengenalan>.

⁴³ Rahmah Bujang dan Nor Azlin Haidon, *Kesenian Melayu* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2002), 184.

joget dan tarian piring. Bagi seni teater pula, ia merupakan satu kombinasi yang mempunyai mana-mana atau lebih unsur-unsur kraf yang melebihi daripada cabang seni persembahan yang lain seperti muzik dan tarian. Seni ini kebiasaannya menggabungkan elemen lakonan (dialog pertuturan, gerak isyarat, mimik muka, emosi), muzik, nyanyian, tarian, bunyi-bunyian, unsur ritual, pencahayaan, set, props, kostum, mekap dan unsur kekaguman pentas.⁴⁴ Antara genre teater yang terkenal ialah seperti mak yong, wayang kulit, bangsawan, menora, mek mulung dan jikey.⁴⁵ Setiap daripada genre tersebut dipersembahkan mengikut temanya sama ada berbentuk sandiwara, muzikal, purba, moden, monodrama⁴⁶ atau absurd.⁴⁷

UNSUR KEARIFAN TEMPATAN DALAM SENI MELAYU ISLAM

Suatu penghasilan seni oleh manusia dapat dilakukan apabila keperluan-keperluan asas mereka telah dipenuhi terlebih dahulu. Manusia dalam hidupnya secara normal akan berusaha memenuhi keperluan utamanya seperti makanan⁴⁸ dan keperluan lain yang dikira asas baginya sebelum mampu bergiat dalam kegiatan kesenian secara langsung. Situasi ini tidak bermaksud bahawa kegiatan kesenian itu merupakan suatu kegiatan yang sia-sia, bahkan hakikatnya ia sebagai suatu kegiatan yang mempunyai kepentingan dan nilai falsafahnya yang tersendiri bagi sesebuah masyarakat.

Umumnya bagi masyarakat Melayu Islam, seni mempunyai peranan tersendiri terutama dalam aspek budaya, sosial dan psikologi. Pernyataan tersebut dapat dibuktikan melalui fungsi

⁴⁴ “Warisan Tidak Ketara: Teater,” laman web rasmi Jabatan Warisan Negara, kementerian pelancongan, seni dan budaya, dicapai 16 Oktober 2019, <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/warisan-tidak-ketara/seni-persembahan/teater>.

⁴⁵ Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 183.

⁴⁶ Monodrama: Karya drama yang dituliskan untuk seorang pelaku.

⁴⁷ Absurd: Mustahil, tidak masuk akal dan bertentangan dengan fikiran waras.

⁴⁸ Wan Abdul Kadir, *Islam dan Budaya Melayu*, 61.

seni dalam kalangan masyarakat Melayu yang berperanan sebagai saluran komunikasi, mengeratkan hubungan masyarakat, sebagai medium pendidikan, medium perubatan dan lain-lain lagi. Apa yang menjadi kelainannya dengan medium-medium bukan seni ialah kewujudan unsur-unsur estetika pada setiap medium seni tersebut. Sebagai contoh dapat dilihat dari segi psikologinya. Menurut Wan Abdul Kadir, seni sebagai medium perubatan dapat memberi kerehatan, mengurangkan tekanan emosi dan memberi dorongan semangat kepada individu.⁴⁹ Dalam beberapa keadaan, sepertimana kajian oleh Ahmed Hankir membuktikan seni boleh menjadi penawar kepada penyakit sakit jiwa yang diubati melalui keindahan nilai estetika mengikut genre seni yang digunakan.⁵⁰

Hal ini bertepatan dengan pandangan ahli psikologi yang menyifatkan muzik bukan sekadar alat penghibur, malah sebagai agensi pembelajaran yang mempunyai kuasa yang tersendiri. Bagi seni yang digunakan sebagai medium perubatan, jika dilihat dalam konteks hari ini, peranan ketua upacara seni tersebut ialah sepertimana doktor, pakar psikologi atau pakar sakit jiwa pada hari ini.⁵¹ Di sinilah unsur seni berperanan dalam meninggikan daya pemikiran serta merubah sikap hidup sesuatu bangsa ke arah pencapaian peradaban yang bererti.⁵² Dalam kalangan masyarakat Melayu, setiap karya seni yang dihasilkan berasaskan norma-norma yang digariskan oleh adat mereka dan berkepentingan dalam memperkuatkhan nilai-nilai sosial, agama serta kepercayaan.⁵³

Seni persembahan merupakan warisan yang menjadi bukti kepandaian dan kreativiti masyarakat Melayu dalam menempatkan tamadunnya di peringkat global. Proses pembentukannya memperlihatkan warisan ini telah melalui suatu tahap dan tempoh masa yang panjang sekaligus memperkuatkan jati diri

⁴⁹ Wan Abdul Kadir, *Islam dan Budaya Melayu*, 60.

⁵⁰ Ahmed Hankir et al., “The Performing Arts and Psychological Well-being,” *Psychiatria Danubina* 29, no. 3 (2017), 196-201.

⁵¹ Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos, “Simptom-simptom Penyakit dalam Main Teri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan,” *Jurnal Melayu* 8 (2011), 233-249.

⁵² Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 148.

⁵³ Wan Abdul Kadir, *Asas Nilai dan Norma Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 2007), 1-2.

masyarakatnya.⁵⁴ Seni persembahan Melayu dalam berfungsi sebagai medium komunikasi pula mempunyai berbagai bentuk iaitu, sama ada secara *verbal* (lisan) atau *nonverbal* (bukan lisan). Contoh bagi komunikasi secara *verbal* dalam genre seni persembahan Melayu ialah seperti puisi, syair, nazam, dialog, nyanyian, mendu dan lainnya. Manakala bagi komunikasi *nonverbal* ialah seperti bunyi, nada, ritma, gerak geri yang terdapat dalam persembahan tarian.⁵⁵ Medium inilah antara cara untuk berhubung di antara satu sama lain sama ada secara solo atau berkumpulan mengikut kesesuaian bentuk mesej yang hendak disampaikan kepada penonton.⁵⁶ Seni dalam sudut ini mencerminkan ketinggian bahasa dan sastera masyarakat Melayu yang dilihat mempunyai martabat, kreatif dan beretika.⁵⁷ Dalam seni budaya Melayu Islam khasnya pada seni persembahan, unsur-unsur kearifan tempatan masyarakat dapat dilihat pada setiap genre-genre kesenian tersebut iaitu genre seni alat muzik, seni muzik, seni tarian dan seni teater.

Bagi genre seni alat muzik, sejarah penciptaannya mempunyai hubungan rapat dengan cara kehidupan, kepercayaan dan struktur sosial masyarakat pada ketika itu. Permulaan penciptaannya sejak era prasejarah banyak diinspirasi daripada kepercayaan animisme dan unsur agama yang bertapak waktu itu. Kemudian, berlaku penyaringan dan penambahbaikan saat kedatangan Islam. Setelah merdeka, seni penciptaan alat muzik masyarakat Melayu dihasilkan melalui gabungan beberapa unsur kebudayaan masyarakat lain di rantau ini seperti masyarakat India, Cina dan juga Asia Barat. Pemilihan unsur kebudayaan tersebut disesuaikan mengikut cita rasa masyarakat setempat. Penciptaan alat muzik dalam kalangan

⁵⁴ Muhammad Zulfahmi, “Interaksi dan Inter relasi Kebudayaan Seni Melayu Sebagai Sebuah Proses Pembentukan Identitas,” *Jurnal Ekspresi Seni* 18, no. 2 (2016), 322.

⁵⁵ Muhammad Takari, “Komunikasi dalam Seni Pertunjukkan Melayu,” *Etnomusikologi* 1, no. 2 (2005), 127-128.

⁵⁶ Sharip Zainal Sagkif Shek et al., “Tari dalam Teater: Analisis Perbandingan Konsep Koreografi dalam Dua Teater Muzikal Melayu,” *Jurnal Melayu* 16, no. 2 (2017), 221.

⁵⁷ “Sastera,” laman web Utusan Online, diakses 6 Oktober 2019, http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0129&sec=Sastera&pg=sa_02.htm.

arif masyarakat mempunyai falsafah dan ciri-ciri keunggulannya tersendiri dan tidak terbatas sebagai alat hiburan semata-mata.

Bagi genre seni muzik, setelah pengislaman masyarakat Melayu oleh para mubaligh awal, rantau ini telah menjadi salah satu rantau Islam yang memiliki seni muziknya yang tersendiri. Secara asasnya, identiti bagi seni muzik Melayu dapat dikenal pasti melalui ciri-cirinya yang berkonseptan lemah lembut dan syahdu. Penangan seni muzik Melayu ini mampu menggetarkan perasaan dan mengasyikkan halwa telinga pendengarnya. Selain itu, seni muzik Melayu banyak menekankan aspek garapan teks berbanding melodinya. Ini terbukti dengan kekayaan khazanah yang dimiliki masyarakat Melayu mengenai lirik dan teks muzik berbanding melodinya yang kedengaran hampir sama.⁵⁸ Hasil karya ini menggambarkan kebijaksanaan dan ketinggian tahap sastera masyarakat Melayu yang banyak diinspirasi melalui interaksi mereka dengan lingkungan alam dan citra kehidupan mereka. Pernyataan ini dikuatkan melalui contoh lirik lagu zapin Melayu yang bertajuk *Lancang Kuning*. Penciptaannya bermatlamat untuk mendidik orang-orang Melayu tentang hakikat kehidupan di dunia ini.

Pada rangkap pertama, baitnya menyentuh tentang pelayaran menempuh badai di tengah malam yang membawa maksud cabaran dalam kehidupan yang menuntut manusia untuk membuat persediaan yang rapi. Hal ini kerana, simbolik kepada pelayaran di tengah malam memerlukan kru-krunya melakukan persediaan yang rapi dari segenap aspek. Selain itu, bait pertama ini juga menggambarkan keadaan kebudayaan Melayu yang menghadapi berbagai tekanan daripada unsur budaya asing. Bait kedua pula menyentuh berkenaan tali kemudi berpilin tiga yang membawa maksud, perlunya suatu kerjasama baik dan kukuh di antara ulama, pemimpin dan juga rakyat dalam mengharungi cabaran dan tentangan tamadun dalam kehidupan ini. Seterusnya, bagi bait ketiga rangkap tersebut pula, menyentuh mengenai kepakaran nakhoda kapal dalam suatu misi pelayaran. Bait tersebut mengajar masyarakat Melayu agar mengambil berat dalam memilih pemimpin mereka (nakhoda). Hal ini kerana perkataan ‘kepakaran’

⁵⁸ Muhammad Takari, “Zapin Melayu dalam Peradaban Islam: Sejarah, Struktur Musik dan Lirik,” (2017). 17-20.

dalam bait tersebut membawa maksud, menjadi suatu keperluan untuk memilih pemimpin atau kerajaan yang mempunyai ilmu dan kemahiran dalam bidang tugasnya.⁵⁹

Selain itu, kepandaian manusia Melayu juga dapat dilihat pada estetika muziknya yang banyak berkONSEPkan alam sekeliling. Perkara ini disebabkan oleh realiti kawasan rantau alam Melayu yang kaya dengan flora dan fauna. Situasi ini bagaikan kembali ke alam semula jadi iaitu *alam takambang menjadi guru*. Inilah antara keistimewaan seni orang Melayu yang terhasil daripada inspirasi alam lingkungannya. Oleh demikian, kesannya dalam penciptaan alat muzik dapat dilihat pada pukulan-pukulan instrumen muzik seperti rebana, kompong, gesekan biola dan lain-lain yang umumnya diekstrak daripada suara bunyi alam lingkungan mereka. Contoh lain lagi dapat dilihat pada penghasilan melodi bagi muzik tradisional masyarakat Melayu yang mengikut aluan ombak di pantai, desir pohon-pohon dan bunyi daripada fauna seperti kicauan burung-burung dan spesis lain yang pelbagai. Keindahan tersebut dapat dilihat pada melodi alat muzik tradisional Melayu seperti gerenek, cengkok dan patah lagu.

Unsur kearifan tempatan masyarakat Melayu dalam genre seni muzik boleh ditemui pada ciri-ciri temponya. Asasnya, dalam muzik Melayu terdapat tiga tempo iaitu tempo perlahan, sederhana (sedang) dan cepat. Tempo ini sebagaimana yang diakui oleh seniman Melayu mempunyai nilai falsafahnya yang tinggi. Penghasilannya dikaitkan dengan kehidupan manusia yang dituntut agar terus melangkah maju secara bijaksana sepertimana putaran irama dalam muzik yang dimainkan secara kreatif. Tempo lambat dalam seni muzik Melayu dapat dilihat pada rentak senandung atau asli. Bagi tempo sederhana pula pada rentak mak inang, zapin dan ghazal, manakala bagi rentak cepat dapat dilihat pada rentak joget dan ronggeng. Setiap tempo-tempo tersebut menggambarkan tentang rentak kehidupan dunia ini yang secara lumrahnya berbeza bagi setiap manusia mengikut bagaimana mereka mencorakkannya.⁶⁰ Keindahan dalam rentak

⁵⁹ Muhammad Takari, “Zapin Melayu dalam Peradaban Islam: Sejarah, Struktur Musik dan Lirik,” 20.

⁶⁰ Muhammad Takari, “Estetika dalam Seni Pertunjukan Melayu” (Kertas Persidangan, Tari Melayu, Lubuk Pakam, Indonesia 2018), 16-19.

muzik Melayu dihasilkan melalui gabungan susunan dan padanan suara alam yang melaluinya terhasilah irama yang indah sebagai gambaran identiti pemikiran, emosi, jiwa dan struktur budaya masyarakat setempat.

Dalam seni tarian dan teater tradisional Melayu, tujuan persembahannya dalam kalangan masyarakat adalah sebagai medium mengekspresikan rasa semangat yang terkandung dalam jiwa mereka. Bagi seni tarian, rasa tersebut timbul kesan daripada interaksi serta paduan nilai antara manusia setempat dengan gerak geri hidupan flora dan fauna yang wujud di persekitarannya. Selain itu, seni dihasilkan bagi memenuhi keperluan bersosial, melambangkan keperibadian, pemikiran masyarakatnya dan sebagai medium menyampaikan maksud jiwa melalui irungan irama muzik setiap kali ianya dipersembahkan.⁶¹ Oleh demikian, seni antara khazanah masyarakat yang sentiasa dipelihara dan dipulihara kerana selain menjadi cerminan identiti masyarakat setempat, ia turut mempunyai kekuatan dalam membentuk budaya masyarakat.⁶² Secara terperincinya dapat dilihat pada nilai estetika dalam gerak geri seni tarian Melayu yang menggambarkan kehalusan budi dan kesantunan masyarakat Melayu. Jika ditelusuri konsep-konsep dalam seni tarian, pergerakannya jelas berbeza dengan pergerakan dalam rutin normal seharian manusia. Perkara ini menunjukkan bahawa seni tarian dipersembahkan bagi tujuan tertentu seperti menyampaikan atau menyurakkan emosi serta jiwa penarinya melalui gerak geri kreatif yang penuh simbol dan makna.⁶³

Bagi aspek gerak geri seni tarian Melayu, secara asasnya antara gerakan umum dalam seni tari Melayu ialah seperti

⁶¹ Muhammad Takari, “Komunikasi dalam Seni Pertunjukkan Melayu,” *Etnomusikologi* 1, no. 2 (2005), 136.

⁶² Sharip Zainal Sagkif Shek et al., “Tari dalam Teater: Analisis Perbandingan Konsep Koreografi dalam Dua Teater Muzikal Melayu,” *Jurnal Melayu* 16, no. 2 (2017), 222.

⁶³ Muhammad Zulfahmi, “Interaksi dan Inter relasi Kebudayaan Seni Melayu Sebagai Sebuah Proses Pembentukan Identitas,” *Jurnal Ekspresi Seni* 18, no. 2 (2016), 311-312.

lambaian, lenggang dan lengok tangan ketika menari.⁶⁴ Namun, terdapat beberapa ciri khas bagi penari lelaki serta penari wanita yang diatur berdasarkan norma adat bagi menjaga tatasusila ketika tarian dipersembahkan. Bagi penari lelaki antara gerak geri yang ditonjolkan adalah suatu ekspresi kepada sifat kegagahan yang melambangkan ciri kemaskulinan mereka. Manakala bagi penari wanita, ciri-ciri bagi gerak gerinya dalam tarian lebih berkonseptan lemah gemalai dan jinak-jinak merpati. Selain itu, bagi wanita terdapat beberapa batasan khusus dalam gerak geri tarian yang ingin dipersembahkan iaitu, mereka tidak diperkenankan untuk mengangkat tangan melebihi bahu sehingga menampakkan ketiak kerana ianya boleh mencerminkan sifat angkuh dan akan mengurangkan nilai estetika busana dan rentak lagu. Selain itu, penari juga tidak diperkenankan menampakkan gigi dan menggoyang-goyangkan pinggulnya, kecuali dalam persembahan joget. Batasan-batasan ini melambangkan kesantunan dan kehalusan budi orang Melayu sebagaimana yang ditekankan dalam norma adatnya. Selain daripada itu, kedatangan Islam membawa beberapa perubahan dan penambahan terhadap seni Melayu⁶⁵, seperti dalam gerak geri tarian iaitu gerak alif, lam dan sembah yang merupakan ekspresi unsur dalam agama Islam.

Bagi seni teater, antara genre terkenal yang melambangkan kehalusan budaya Melayu ialah mak yong. Mak yong antara seni tari tradisional Melayu yang mempunyai keunikannya tersendiri. Penghasilannya terbentuk melalui gabungan pelbagai genre seni seperti alunan muzik, tarian dan lakonan yang disesuaikan dengan bahasa dan gerak geri kreatif melalui teater keliling⁶⁶. Kebiasaan isi cerita yang disampaikan ialah mengenai pujian dan mendaulatkan raja. Mengikut sejarah asalnya, Mak yong dipersembahkan oleh pelakon wanita muda dan jelita yang tidak melibatkan pelakon lelaki. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan permaisuri dan puteri

⁶⁴ Indah Yuni Pangestu et al., “Estetika Tari Zapin Sebagai Sumber Penciptaan Karya Kaki-kaki,” *Bercandik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni* 1, no. 1 (2013), 10-11.

⁶⁵ Moh. Isa Pramana Koesoemadinata, “Wayang Kulit Cirebon: Warisan Diplomasji Seni Budaya Nusantara,” *Journal of Visual Art and Design* 4, no. 2 (2013), 142-152.

⁶⁶ Persembahan drama yang pementasannya berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat yang lain dengan membawa semua peralatannya.

raja berlaku curang semasa ketiadaan raja dan pembesar raja yang mempunyai tugas-tugas tertentu di luar istana. Begitu juga bagi seni tarian zapin, yang asalnya ditarikan oleh kaum lelaki sebelum wujudnya percampuran antara lelaki dan perempuan dalam upacara persembahannya.⁶⁷

Selain itu, unsur kearifan tempatan masyarakat Melayu Islam juga boleh ditelusuri dalam seni wayang kulit. Persembahan wayang kulit secara keseluruhan mempunyai fungsi tertentu yang sering dijadikan sebagai medium pendidikan kepada masyarakat dan juga berperanan sebagai medium dakwah kepada masyarakat peribumi setelah mereka memeluk Islam. wayang kulit setelah mengalami proses Islamisasi banyak membawa unsur-unsur ketuhanan dan juga alam. Kesemua struktur dalam seni tersebut seperti dalang, muzik, pelita dan panggung mempunyai pemikiran dan maknanya tersendiri yang dihubung kaitkan dengan unsur keagamaan. Seni persembahan ini melambangkan hakikat kehidupan manusia yang sementara dan akan kembali kepada Tuhan pada masa yang ditentukan.⁶⁸

Patung-patung wayang kulit dicipta sebagai simbolik kepada roh manusia, manakala bayang patung yang tertera di panggung tersebut melambangkan kehidupan manusia di alam nyata ini. Manusia akan terus hidup di alamnya dan ternyata kehidupan ini hanya bersifat sementara. Mereka terus wujud sehingga hal roh itu pulang ke alamnya dan segalanya akan hilang sebagaimana hilangnya bayang-bayang patung di atas panggung. Oleh demikian, segala yang hidup di dunia ini akan binasa melainkan zat-zat Tuhan yang maha kekal.⁶⁹ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 88 yang bermaksud:

“Tiap-tiap sesuatu adalah binasa, melainkan Zat Allah.”

⁶⁷ Indah Yuni Pangestu et al., “Estetika Tari Zapin Sebagai Sumber Penciptaan Karya Kaki-kaki,” *Bercandik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni* 1, no. 1 (2013), 12.

⁶⁸ Rahmah Haji Bujang, “Fungsi Komunikasi dan Estetika dalam Persembahan Teater Tradisional Wayang Kulit,” *Jurnal Pengajian Melayu* 18 (2007), 142-155.

⁶⁹ Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 204-297.

Unsur kearifan tempatan juga dapat dilihat pada ciri utama seni teater dan tarian Melayu yang mementingkan tujuan bersama. Ciri ini mengajar penggiat dan penonton bahawa bagi mewujudkan sebuah persembahan teater dan tarian perlulah saling bekerjasama dan berdisiplin. Nilai yang terkandung dalam seni ini membawa erti kepada masyarakat tentang kehidupan manusia yang saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain. Unsur kepandaian masyarakat Melayu juga dapat diterokai pada ciri-ciri keseniannya yang amat menekankan nilai kehalusan, keseimbangan, keharmonian, keindahan dan ketenangan.⁷⁰ Ciri-ciri inilah apabila diterjemah kepada tingkah laku, membentuk karakter masyarakat yang lemah lembut dan santun selari dengan tabiat alam lingkungannya.

PANDUAN KEARIFAN TEMPATAN DALAM KESENIAN YANG BERLANDASKAN SYARAK

Sebelum diperincikan, perlu diketahui bahawasanya suatu seni mempunyai kedudukan tersendiri sebagai penyumbang kepada pembentukan karakter sesuatu bangsa. Ini kerana, pemikiran manusia (akal) terbina daripada input yang diterimanya melalui pancaindera, iaitu telinga (pendengaran), mata (penglihatan) dan hati (penghayatan). Rumusan input yang diterima tersebut akhirnya mempengaruhi tingkah laku seseorang manusia. Situasi ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 78 yang bermaksud:

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati supaya kamu bersyukur.”

Hasil pembentukan tingkah laku yang baik membawa kepada kesejahteraan dalam kehidupan dan lingkungan persekitaran. Kenikmatan tersebut akhirnya menuntun manusia bersyukur sebagai tanda pengabdian diri kepada Penciptanya. Kesenian dalam perspektif Islam menekan beberapa elemen bagi memastikan setiap penciptaan, penghayatan dan tingkah laku manusia tidak bertentangan dengan syariat Islam. Antara elemen

⁷⁰ Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, 59.

yang diambil kira dalam aspek kesenian Islam ialah seperti niat, kaedah mencipta, bahan, motif, penghayatan, citra (imej), mesej dan matlamat.⁷¹ Sebagaimana yang disebut dalam al-Quran, Islam membawa konsep: Tauhid (Surah al-Mu'minun: 57-61); menjauhi maksiat (Surah al-Ma'idah: 78); larangan mengikut jejak langkah syaitan (Surah al-Baqarah: 168); keyakinan kepada kuasa Allah SWT sebagai penyembuh (Surah al-Syura: 80); tidak mengikuti jejak langkah orang kafir (Baqarah: 120, al-Ma'idah: 51); larangan melampaui batas (al-'Araf: 31); tidak berlaku zalim (al-Syura: 39-42); larangan berjudi (al-Ma'idah: 90); larangan melakukan pembaziran (al-Isra': 27); tidak mencapur adukkan antara haq dan batil (al-Baqarah: 42).

Konsep-konsep ini menerangkan matlamat agama ini yang diturunkan bagi memberi jaminan kepada kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat. Berdasarkan konsep dan prinsip yang dibawa Islam ini, maka dapat dirumuskan beberapa panduan kearifan tempatan dalam kesenian agar unsur yang baik tidak disiasakan manfaatnya dan sebaliknya bagi unsur yang buruk perlu ditinggalkan. Hal ini kerana, Islam tidak melarang sebarang seni selagi ia tidak bertentangan dengan kebaikan.⁷² Oleh demikian, antara panduan tersebut ialah, sesuatu kesenian itu mestilah;

1. Tidak mempunyai unsur syirik yang menduakan Allah SWT seperti pemujaan.
2. Tidak mempunyai unsur maksiat dan mendorong kepada nafsu syahwat.
3. Tidak melalaikan seperti pergaulan lelaki dan perempuan tanpa batas dan melengah lengahkan kewajipan utama.
4. Tiada unsur *tashabhuh* (penyerupaan) dengan agama lain.
5. Tiada unsur kezaliman kepada sesama manusia.
6. Tidak mencemarkan imej dan nilai Syarak.
7. Tidak menjatuhkan nilai kemanusiaan (menjaga adab-adab pergaulan).
8. Tiada unsur perjudian (pertaruhan).
9. Tidak mempunyai unsur pembaziran.
10. Tidak bercampur dengan apa-apa perkara yang haram.

⁷¹ Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, 98.

⁷² Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 207.

Islam sebagai suatu cara hidup yang lengkap tidak hanya mementingkan urusan keakhiran, malah turut juga mementingkan urusan keduniaan. Aspek kesenian merupakan salah satu cabang dalam urusan keduniaan yang mempunyai sumbangannya tersendiri kepada manusia. Usaha ini bertujuan menjelaskan batasan-batasan berasaskan prinsip agama yang perlu diambil kira oleh seseorang mukalaf sebelum melibatkan diri dalam aspek kesenian seperti kerja rekonstruksi seni atau penghasilan suatu seni baru.⁷³ Sebagaimana yang disebut oleh Sidi Gazalba, dalam pandangan umum masyarakat Islam, perbahasan berkaitan seni dan hubungannya dengan Islam kerap kali dianggap suatu yang tidak relevan sehingga perbincangannya dalam perspektif Islam dianggap janggal bahkan ada yang menganggapnya sebagai suatu perbincangan yang terpesong.⁷⁴

Menurut ilmuan Islam Imam al-Ghazālī, hukum berkaitan hiburan termasuk juga kegiatan seni, tertakluk kepada bagaimana ia dicorakkan.⁷⁵ Sesuatu hiburan itu mengambil kira pelbagai sudut iaitu, jika dikaitkan dengan sesuatu perkara yang haram maka hukumnya akan jatuh haram. Al-Qarādawī menyatakan bahawa perkara-perkara yang melibatkan seni dan budaya pada asalnya adalah harus selagi perkara-perkara tersebut tidak bertentangan dengan syariat Islam.⁷⁶ Oleh demikian, seseorang itu haruslah berpada-pada dan tidak berlebihan dalam berhibur sehingga mendatangkan kelalaian pada dirinya. Menurut Mana Sikana,⁷⁷ haramnya sesuatu hiburan berpunca daripada seni itu sendiri yang bertentangan dengan prinsip agama yang patut dijauhi serta sikap manusia yang berlebihan sewaktu berhibur sehingga melalaikannya. Oleh demikian, inilah jurang yang menjadi perbezaan di antara seni Islam dengan seni yang lain.

⁷³ Sharip Zainal Sagkif Shek et al., “Tari dalam Teater: Analisis Perbandingan Konsep Koreografi dalam Dua Teater Muzikal Melayu,” *Jurnal Melayu* 16, no. 2 (2017), 223.

⁷⁴ Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), xi.

⁷⁵ Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, vol. 3 (Dimashq: Dār al-Fayhā’, 2010), 260-262.

⁷⁶ Al-Qaraḍawī, Yūsuf, *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām* (‘Amman: Al-Maktab Al-Islāmī, 1994), 273-276.

⁷⁷ Mana Sikana, *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 149.

Jurang perbezaan ini dapat dilihat pada matlamat dan nilai etika yang terkandung dalam sesuatu hasil seni itu.⁷⁸ Begitulah motif seni dalam Islam, ianya tidak bermatlamatkan seni untuk seni dan hiburan semata-mata, sebaliknya seni adalah kerana Allah SWT, bagi menyumbang manfaat kepada manusia dan alam lingkungannya.⁷⁹

Sejajar dengan itu, Islam dalam berinteraksi dengan kesenian sesebuah kelompok masyarakat mempunyai asas aturannya tersendiri. Pertama, Islam sebuah agama yang sesuai pada setiap zaman dan tempat akan memelihara unsur, nilai dan norma positif dalam kesenian masyarakat. Kedua, bagi unsur, nilai dan norma negatif yang terkandung dalam kesenian masyarakat akan dihapuskan. Ketiga, Islam dalam memberi solusi akan menerapkan unsur, nilai dan norma positif baharu selaras dengan prinsip agama yang belum wujud dalam kesenian tempatan.⁸⁰ Aturan ini membawa erti bahawa Islam tidak menghapuskan warisan kesenian masyarakat peribumi. Sebaliknya, Islam menuntut suatu karya seni itu bertepatan dengan akhlak Islam dan tidak membawa keburukan kepada manusia itu sendiri. Bertepatan dengan suruhan Allah SWT agar manusia melakukan suatu yang baik dan menjauhi atau mencegah dari suatu yang buruk.⁸¹ Oleh itu, jika matlamat ini berjaya direalisasikan, maka suatu kesenian masyarakat selayaknya digelar kesenian Islam yang berlandaskan prinsip keislaman.⁸²

Justeru, setiap seni mempunyai latar belakang isunya yang tersendiri. Bagi seni yang tidak bertentangan dengan nas syarak dan tidak melanggar nilai serta norma hidup masyarakat tempatan Melayu Islam, diklasifikasi sebagai amalan yang sahih dan diterima. Sebaliknya, seni yang bertentangan dengan kedua aspek tersebut pula diklasifikasikan sebagai amalan yang

⁷⁸ Raina Wildan, "Seni dalam Perspektif Islam," *Islam Futura* VI, no. 2 (2007), 81-84.

⁷⁹ Abdul Basit Samat @ Darawi et al., "Kesenian Islam dalam Warisan ketamadunan," *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8, no. 3 (2017), 6.

⁸⁰ Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, 100.

⁸¹ Sidi Gazalba, *Pandangan Islam tentang Kesenian* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), 54-55.

⁸² Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*, 97.

fasid dan ditolak. Tuntasnya, bagi hukum seni umpama wayang kulit, pengkaji lebih cenderung kepada hukum asalnya adalah harus. Namun, status hukum keharusan ini tetap tertakluk kepada penjagaan batas-batas yang telah digariskan syarak. Bagi persembahan seni yang cenderung kepada pelanggaran batasan syarak seperti pendedahan aurat, pergaulan di antara bukan mahram, wujud unsur pembaziran, untuk bermegah-megah dan tema majlis dipandang buruk oleh masyarakat tempatan Melayu Islam, adalah dilarang dan penganjurannya menyumbang kepada dosa.

KESIMPULAN

Jelasnya, seni masyarakat Melayu Islam merupakan hasil produk bukti kepandaian manusia tempatan melakukan interaksi dengan pelbagai nilai yang wujud. Gabungan interaksi di antara nilai wahyu Islam dan unsur alam sekeliling telah membentuk karya seni yang unggul sebagai medium memenuhi keperluan masyarakat setempat, malah mengambilkira ketetapan hukum Islam. Nilai wahyu telah menjadikan kegiatan seni masyarakat Melayu itu bermatlamat dan tidak semata-mata sebagai medium hiburan. Hal ini kerana, matlamat seni dalam perspektif Islam adalah membimbing manusia ke arah konsep tauhid dan menjadi tali penghubung pengabdian diri kepada Allah SWT. Selain itu, ia juga bermatlamat membentuk akhlak manusia dan peribadi ideal yang membawa kesejahteraan dalam kehidupan. Bagi unsur alam sekeliling pula, ia memainkan peranan besar dalam memberi identiti kepada kesenian Melayu ini yang membezakan dengan seni di kawasan lain. Oleh hal yang demikian, kesenian telah menjadi khazanah berharga buat masyarakat Melayu Islam sebagai warisan buat generasi akan datang. Khazanah inilah yang akan memberi kekuatan jati diri, membentuk karakter bangsa dan sebagai formula bagi membentuk kesantunan dan kesejahteraan sosial.

RUJUKAN

“Sastera”, Laman web Utusan Online. Diakses pada 6 Oktober 2019, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0129&sec=Sastera&pg=sa_02.htm.

“Warisan Tidak Ketara.” Laman web rasmi Jabatan Warisan Negara, kementerian pelancongan, seni dan budaya. Diakses pada 16 Oktober 2019: <http://www.heritage.gov.my/index.php/ms/warisan-tidak-ketara/grp-warisan-tidak-ketara-pengenalan>.

Abdul Basit Samat @ Darawi, Akmaliza Abdullah, Adibah Muhtar, Abd. Rahman Hj Hamzah, Azhar Yaakub @ Ariffin & Norhafizah Musa. “Kesenian Islam dalam Warisan Ketamadunan.” *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8, no. 3 (2017), 1-12.

Ahmad Rajafi. “Islam dan Kearifan Lokal: Pembaruan Hukum Keluarga di Indonesia Model Inkulturasi Wahyu dan Budaya Lokal.” *Jurnal AKADEMIKA* 21, no. 1 (2016), 65-82.

Ahmed Hankir, Bruee Kirkealdy, Frederick R. Carrick, Asad Sadiq & Rashid Zaman. “The Performing Arts and Psychological Well-being.” *Psychiatr Danub* 29, no. 3, (2017), 196-202.

Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Dimashq: Dār al-Fayhā’, 2010.

Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Halāl wa Al-Harām fi Al-Islām*. Amman: Al-Maktab Al-Islāmī, 1994.

Anwar Din. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.

Azrina Musa & Yusmilayati Yunos. “Simptom-simptom Penyakit dalam Main Teri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan.” *Jurnal Melayu* 8 (2011), 233-249.

Garis Panduan Hiburan dalam Islam, edisi kedua, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke- 1-7 pada 10-11 Februari 2015. Diakses pada 16 Oktober 2019, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/jakim-keluar-garis-8232-panduan-hiburan-1.82849>.

Ghulam Sarwar Yousof. “Tradition and Sundering with Tradition: Mak Yong from Traditional to Tinsel Theatre and Beyond”. *The International Conference on Performing Arts as Creative Industries in Asia (PACIA 2008)*, Kuala Lumpur: University of Malaya, 2008, 45-61.

Hamka. *Pandangan Hidup Muslim*. Jakarta: Gema Insani, 2016.

- Idris Zakaria. "Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu." *Jurnal Hadhari*, Special Edition (2012), 91-108.
- Indah Yuni Pangestu, Ediwar & Martion. "Estetika Tari Zapin Sebagai Sumber Penciptaan Karya Kaki-kaki. *Bercandik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni* 1, no. 1 (2013).
- Ismail Mat. "Pengajian Syariah: Hubungannya dengan Adat Arab dan Keadaan di Malaysia", *Dinamisme Pengajian Syariah*, (ed.) Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.
- M. Jandra Mohd Janan dan Muhammad Nazzri Ahmad. "Seni dan Islam: Polemik antara Teks dan Konteks", *Cabarani Semasa Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 2010.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abd Majid. "Fiqh Nusantara", *Islam dan Tajdid: Tinjauan Isu-isu dan Perspektif Semasa*, (eds.) Abd Karim Ali & Rumaizi Ahmad. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2014.
- Mana Sikana. *Falsafah dan Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Moh. Isa Pramana Koesoemadinata. "Wayang Kulit Cirebon: Warisan Diplomasi Seni Budaya Nusantara." *Journal of Visual Art and Design* 4, no. 2 (2013), 142-154.
- Mohamad Kamil bin Hj Ab Majid & Muhammed bin Yusof. "Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal." *Jurnal Hadhari Edisi Khas* (2008), 105-121.
- Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari, Ahmad Zamri Khairani, Hazri Jamil, Nordin Abd. Razak & Hashimah Mohd Yunus. "Mengintegrasikan Kearifan Tempatan Berkaitan Alam Sekitar di Bilik Darjah", *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan*, (eds.) Salasiah Che Lah dan Norizan Esa. Pulau Pinang: Universiti Sains Islam Malaysia, 2013.
- Mohd Anuar Ramlie, "Asas Hukum dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial dalam Kebudayaan Malaysia", Disertasi Sarjana, (Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2003

- Mohd Anuar Ramli. "Islamisasi di Tanah Melayu: Analisis Terhadap Proses Interaksi antara Adat dan Syariah Islam", *Wacana Budaya*, (eds.) Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.
- Muhammad Ammar Harith Idris, Mohd Anuar Ramli & Mohammaddin Abdul Niri, "Kearifan Tempatan Dalam Fiqh Makanan Di Alam Melayu", *Jurnal Fiqh*, 16, (2019), 57-82.
- Muhammad Takari. "Estetika dalam Seni Pertunjukan Melayu". Persidangan Tari Melayu, Lubuk Pakam, Indonesia, 2018.
- Muhammad Takari. "Komunikasi dalam Seni Pertunjukkan Melayu." *Etnomusikologi* 1, no. 2 (2005), 149-203.
- Muhammad Takari. "Zapin Melayu dalam Peradaban Islam: Sejarah, Struktur Musik dan Lirik." (2017), https://www.etnomusikologiusu.com/uploads/1/8/0/0/1800340/zapin_di_alam_melayu.pdf, 1-21.
- Muhammad Takari. *Kesenian Melayu: Kesenian Melayu: Kesiambungan, Perubahan, dan Strategi Budaya*. Batam: Majlis Adat Budaya Melayu Indonesia, 2013.
- Muhammad Zulfahmi. "Interaksi dan Inter relasi Kebudayaan Seni Melayu Sebagai Sebuah Proses Pembentukan Identitas." *Jurnal Ekspresi Seni* 18, no. 2 (2016), 327-323.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, Zuliskandar Ramli, Othman Yatim, Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Wan Salleh Wan Ibrahim. "Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam dalam Pengkaryaan." *Jurnal Arkeologi Malaysia* 25 (2012), 25-36.
- Nurma Ali Ridwan. "Landasan Keilmuan Kearifan Lokal." *Jurnal Studi Islam dan Budaya (IBDA')* 5, no. 1 (2007), 27-38.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Md. Nor, Nor Hayati Bt Md Dahlal & Norafifah Abd Hamid. "Islam dan Kearifan Tempatan di Alam Melayu: Analisis Kritikal." *Jati* 18 (2013), 223-245.

- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ruzman Mohd Noor, Saadan Man & Nor Fahimah Mohd Razif. "Batu Bersurat Terengganu: Dinilai dari Sudut Kearifan Tempatan Melayu Islam". *Batu Bersurat Piagam Terengganu Wadah Intelektual Tamadun Melayu*, (eds.), Mohd Yusof Abdullah dan Rashid Hamat. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, 2013.
- Rahmah Bujang & Nor Azlin Haidon. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2002.
- Rahmah Haji Bujang. "Fungsi Komunikasi dan Estetika dalam Persembahan Teater Tradisional Wayang Kulit." *Jurnal Pengajian Melayu* 18 (2007), 135-156.
- Raina Wildan. "Seni dalam Perspektif Islam." *Islam Futura* 6, no. 2 (2007), 78-88.
- Sabzali Musa Kahn, Effendi Shamsuddin & Nik Nairan Abdullah. "Mendepani Seni Warisan dan Kreatif dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu di Nusantara". Persidangan Universiti Islam Negeri Sunan, Gunung Djati, Bandung, 2011.
- Sharip Zainal Sagkif Shek, Rohani Md Yousof dan Zairul Anuar Md Dawam. "Tari dalam Teater: Analisis Perbandingan Konsep Koreografi dalam Dua Teater Muzikal Melayu." *Jurnal Melayu* 16, no. 2 (2017), 217-234.
- Sidi Gazalba. *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977.
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli, "Pendekatan Sosiologi Hukum Islam Dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Semporna", *Jurnal Kemanusiaan* 16, no. 1, (2018), 13-19.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Mohd Anuar Ramli. "Unsur Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam", *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 29, (2019), 51-69.
- Wan Abdul Kadir. *Asas Nilai dan Norma Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 2007.

- Wan Abdul Kadir. *Islam dan budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1992.
- Wan Abdul Kadir. *Masyarakat dan Budaya melayu: Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 2007.
- Yuliyatun Tajuddin. “Walisongo dalam Strategi Komunikasi Dakwah.” *ADDIN* 8, no. 2 (2014), 367-390.